

Pungutan suara akan jadikan Malaysia seperti Yugoslavia — PM

U.M. 14 OCT 1992

KLJALA LUMPUR 13 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Malaysia akan mengalami perpecahan seperti Yugoslavia sekiranya pungutan suara diadakan untuk mengkaji semula kuasa kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

"Kalau kita benarkan Sabah mengadakan pungutan suara

apabila sesuatu kajian hendak dibuat, negeri-negeri lain juga akan menuntut untuk mengadakan pungutan suara, akhirnya negara ini akan menjadi kacau bilau seperti apa yang dialami oleh Yugoslavia sekarang," kata Perdana Menteri.

Beliau mempersoalkan sikap para pemimpin kerajaan negeri Sabah kerana selalu

bercakap soal integrasi tetapi mereka juga selalunya membangkitkan isu yang memecah belahkan rakyat.

"Bila kita kata dia sengaja bangkitkan hasrat untuk memisahkan Sabah dari Malaysia, dia kata tidak tetapi dia selalu membangkitkan isu yang memecah belahkan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dekat sini sebelum berlepas ke Hong Kong untuk menghadiri Forum Ekonomi Eropah-Asia Timur anjuran Forum Ekonomi Dunia.

Dr. Mahathir mengingatkan demikian semasa ditanya me-

LIHAT MUKA 2

PUNGUTAN SUARA AKAN JADIKAN MALAYSIA SEPerti YUGOSLAVIA

U.M. 14 OCT 1992
ngenai pernyataan Perdana Menteri Sabah, Datuk Pairin Kitingan yang menyatakan sekiranya Kerajaan Pusat hendak mengkaji semula kuasa Sabah dan Sarawak, satu pungutan suara mesti diadakan.

Semalam Menteri Undang-Undang, Dato' Syed Hamid Albar berkata, tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan Sabah membuat pungutan suara.

Sabtu lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengkaji kuasa kerajaan negeri Sabah dan Sarawak selaras dengan perjanjian di bawah Jawatankuasa Antara Kerajaan yang menyatakan kajian perlu dilakukan setiap 10 tahun.

Menurut Perdana Menteri, Sabah tidak ada hak untuk membuat pungutan suara kerana in tidak boleh dengan sendirinya berbuat demikian.

Tambahan pula kata beliau, tindakan Sabah ingin membuat pungutan suara, tersebut jelas bertentangan dengan perlembagaan negara ini.

"Saya kena tengoklah apa apa peruntukan di dalam perlembagaan untuk membolehkan tindakan diambil sekiranya mereka meneruskan usaha membuat pungutan suara itu," ujar beliau sebagai menjawab pertanyaan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil sekiranya Dewan Undangan Negeri Sabah meluluskan usul untuk melaksanakan pungutan suara.

Perdana Menteri menilai isu pungutan suara itu sengaja ditimbulkan oleh kerajaan negeri Sabah untuk membangkitkan kebencian rakyat negeri itu kepada Kerajaan Persekutuan.

Ditanya jika usaha membuat

pungutan suara itu diteruskan, Dr. Mahathir berkata: "Saya ingat itu tak kenaiah."

Perdana Menteri turut menyatakan, jika Sabah mahu membuat pungutan suara ia patut diadakan di seluruh Malaysia.

"Bukan dia seorang sahaja yang patut buat pungutan suara kerana kita pun barangkali mungkin ada orang yang tak suka Sabah masuk ke dalam Malaysia," ujar beliau sambil menyatakan pihak lain juga perlu diberi hak untuk berbuat demikian.

Ditanya adakah pungutan suara itu bermaksud mengadakan pilihan raya, Dr. Mahathir berkata, pilihan raya dan pungutan suara adalah berasingan.

Katanya, pilihan raya tidak boleh dianggap sebagai pungutan suara.

Sementara itu Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang turut berada di lapangan terbang berkata, sudah sampai masanya kajian tersebut diadakan dan tidak perlu melalui proses pungutan suara.

Katanya, kajian itu boleh dibuat melalui perundingan antara pemimpin negeri dengan Persekutuan.

"Kajian itu bagi tujuan untuk mengeratkan lagi perpaduan nasional dan menghindarkan pemerintahan kuku besi Pairin."

Beliau berkata, matlarnat Pairin hendak mengadakan pungutan suara itu membuktikan hasratnya untuk mewujudkan 'Sabah untuk rakyat Sabah dan Malaysia untuk rakyat Malaysia.'